

TEKS UCAPAN
YB DATUK ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA

KEMPEN ADVOKASI
KESELAMATAN LEBUH RAYA
SEMPENA PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI 2017

16 JUN 2017
BANGUNAN TNC, RESEARCH AND INNOVATION
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM) SERDANG
SELANGOR

BISMILLAHIRRAHMANIRAHIM,

SALUTASI ****TERTAKLUK KEPADA JEMPUTAN VIP:**

DIF-DIF KEHORMAT, WAKIL-WAKIL SYARIKAT KONSESI, RAKAN-
RAKAN MEDIA, TUAN TUAN DAN PUAN PUAN HADIRIN YANG
DIHORMATI SEKALIAN.

ASSALAMUALAIKUM WBT, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM SEHATI
SEJIWA, SALAM NEGARAKU MALAYSIA.

TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MEMANJATKAN KESYUKURAN
KEPADA ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH RAHMAT-NYA KITA
DAPAT BERKUMPUL PADA HARI INI UNTUK **KEMPEN ADVOKASI
KESELAMATAN LEBUH RAYA SEMPENA PERAYAAN HARI RAYA
AIDILFITRI 2017**. SAYA JUGA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI
UNTUK MENZAHIRKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN
TERIMA KASIH DI ATAS KERJASAMA DAN SOKONGAN PADU
SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT TERUTAMANYA, LEMBAGA
LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM) DAN PERSATUAN SYARIKAT-
SYARIKAT KONSESI LEBUHRAYA MALAYSIA (PSKLM) SERTA POLIS
DIRAJA MALAYSIA (PDRM) SERTA UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

(UPM) DALAM USAHA UNTUK MENJAYAKAN PROGRAM KEMPEN ADVOKASI INI.

ALHAMDULILLAH, SEBENTAR LAGI, KITA SEMUA AKAN MENYAKSIKAN PELANCARAN DAN KESINAMBUNGAN BAGI KEMPEN ADVOKASI DENGAN *HASHTAG* **#RESPEKLABRO**.

KOMITMEN KEMENTERIAN KERJA RAYA TERHADAP PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR YANG SELAMAT UNTUK PENGGUNA LEBUH RAYA

HADIRIN YANG DIHORMATI,

1. KURANG DARIPADA 5 TAHUN LAGI, KITA AKAN MELANGKAH KE ARAH TAHUN 2020. JUSTERU, PIHAK KERAJAAN KINI GIAT MEMPERSIAPKAN NEGARA KE ARAH STATUS NEGARA MAJU DAN BEREKONOMI INKLUSIF, SEIRING DENGAN VISI WAWASAN 2020. PIHAK KERAJAAN MELALUI PROGRAM TRANSFORMASI NASIONAL (NTP) YANG DIPERKENAL SEJAK TAHUN 2010, TELAH MENAMBAH BAIK KEHIDUPAN BERJUTA-JUTA RAKYAT, TERUTAMANYA PENDUDUK YANG TINGGAL DI KAWASAN LUAR BANDAR. UNTUK PENGETAHUAN HADIRIN SEKALIAN, BERDASARKAN LAPORAN TAHUNAN PROGRAM TRANSFORMASI NEGARA 2016, PIHAK KERAJAAN TELAH BERJAYA MENYIAPKAN PEMBINAAN 6,041.7 KM

JALAN RAYA DI KAWASAN LUAR BANDAR, BERBANDING DENGAN 750 KM JALAN RAYA LUAR BANDAR YANG DIBINA PADA TAHUN PERTAMA PELAKSANAAN PROGRAM NTP. INI MERUPAKAN ANTARA ASPIRASI UTAMA PIHAK KERAJAAN DALAM MEMBANGUNKAN SISTEM PENGANGKUTAN DAN JALAN RAYA YANG BERTARAF DUNIA.

2. FUNGSI KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR) BUKAN SEKADAR UNTUK MENYEDIAKAN KEMUDAHAN JALAN RAYA YANG BERKUALITI, PADA MASA YANG SAMA, MEMILIKI CIRI KESELAMATAN YANG TINGGI SERTA SELAMAT UNTUK DIGUNAKAN. JUSTERU SEBAGAI USAHA UNTUK MENGURANGKAN JUMLAH STATISTIK KEMALANGAN YANG DIREKODKAN SEBELUM INI KKR TELAH MELETAKKAN PEMBAIKAN KAWASAN YANG KERAP BERLAKU KEMALANGAN ATAU *BLACKSPOT* YANG MERUPAKAN SALAH SATU DARIPADA *KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)* KEMENTERIAN. UNTUK MENYOKONG KPI TERSEBUT, KKR TELAH MENGENALPASTI 10 LOKASI *BLACKSPOT* DAN MELIBATKAN KOS PERBELANJAAN SEBANYAK RM 4.15 JUTA OLEH SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA YANG TERLIBAT. INTERVENSI KEMALANGAN DI LOKASI *BLACKSPOT* 2016 TELAH BERJAYA MEMBANTU MENGURANGKAN KEMALANGAN BERBANDING

REKOD TAHUN SEBELUMNYA SEBANYAK 40% HINGGA 80% KADAR KEMALANGAN DI LEBUH RAYA.

STATISTIK KEMALANGAN DAN KEMATIAN

HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

3. KESELAMATAN JALAN RAYA ADALAH ISU KESIHATAN AWAM DAN PEMBANGUNAN YANG PERLU DITANGANI SECARA LEBIH KOMPREHENSIF KERANA IA AKAN MENDATANGKAN KESAN NEGATIF KEPADA EKONOMI, KESIHATAN DAN JUGA KEBAJIKAN ORANG RAMAI SEKIRANYA TIDAK DIBENDUNG DENGAN BERKESAN. TERKINI, DALAM TAHUN 2016 SAHAJA, ANGKA KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN TELAH MENINGKAT DENGAN BEGITU MENDADAK KEPADA LEBIH 7,000 KEMATIAN. INI MENJADIKAN PURATA KADAR KEMATIAN JALAN ATAU LEBUH RAYA LEBIH 19 ORANG SETIAP HARI.

4. BERDASARKAN REKOD PERANGKAAN KEMALANGAN DAN KEMATIAN JALAN RAYA UNTUK TAHUN 2016 YANG DIPEROLEHI DARIPADA POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM):-

- JUMLAH KEMALANGAN JALAN RAYA PADA TAHUN 2016 TELAH MENINGKAT KEPADA 521,466 BERBANDING 489,606 PADA TAHUN 2015; 6.5%
- JUMLAH KEMALANGAN MAUT PULA MENCATATKAN 6,570 KEMALANGAN BAGI TAHUN 2016 BERBANDING 6,193 PADA TAHUN 2015; 6.1%
- JUMLAH KEMATIAN JUGA MENUNJUKKAN PENINGKATAN BAGI TAHUN 2016 DENGAN 7,152 KEMATIAN BERBANDING 6,706 PADA TAHUN 2015; 6.7%
- 62.7% DARIPADA KEMATIAN TERSEBUT MERUPAKAN PENGGUNA MOTOSIKAL.

PENINGKATAN INI AMAT MEMBIMBANGKAN KERAJAAN SEKIRANYA TREND INI TIDAK DIBENDUNG. BERDASARKAN KAJIAN OLEH MIROS BERKAITAN SOSIO EKONOMI, KERAJAAN MENANGUNG KERUGIAN SEBANYAK RM1.3 JUTA BAGI SETIAP SATU KEMATIAN DAN RM800 RIBU BAGI SETIAP MANGSA PARAH.

TANGGUNGJAWAB DAN SIKAP PENGGUNA JALAN RAYA / LEBUH RAYA

HADIRIN SEKALIAN,

5. KEMPEN ADVOKASI YANG AKAN DILANCARKAN SEBENTAR LAGI DENGAN **#RESPEKLABRO** INI MERUPAKAN SATU LAGI PROGRAM KESINAMBUNGAN YANG TELAH DIADAKAN SEJAK TAHUN LEPAS PADA SETIAP MUSIM PERAYAAN UTAMA DI MALAYSIA. KEMPEN ADVOKASI INI BERTERASKAN PENDIDIKAN BERTERUSAN (*CONTINUOUS EDUCATION PROGRAMME*) KHUSUS UNTUK AGEN PERUBAHAN IAITU, GENERASI MUDA SEPerti PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH DAN UNIVERSITI. IANYA JUGA BERTUJUAN UNTUK MENERAPKAN NILAI PEMANDUAN BERHEMAH, SUPAYA KITA MENGHORMATI DAN LEBIH BERTIMBANG RASA DI ATAS JALAN RAYA. INI SELARAS DENGAN STATUS MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG PESAT MEMBANGUN, YANG SEMEMANGNYA MENGUTAMAKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERKUALITI.

PENINGKATAN BILANGAN TRAFIK DAN KENDERAAN DI MUSIM PERAYAAN

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

6. BAGI MUSIM PERAYAAN AIDILFITRI TAHUN INI, KITA MENJANGKAKAN PERTAMBAHAN TRAFIK HARIAN SEBANYAK 30 – 40 % DI LEBUHRAYA PLUS UNTUK KE UTARA DAN SELATAN. DIJANGKA BERLAKU PENINGKATAN LEBIH 50% TRAFIK DI LEBUHRAYA KL-KARAK, LPT 1 DAN LPT 2. SELAIN ITU TERDAPAT JUGA PERTAMBAHAN TRAFIK DI LEBUH RAYA UTAMA LAIN BERBANDING BILANGAN TRAFIK HARIAN DI LUAR MUSIM PUNCAK. JUSTERU, BAGI MENAMPUNG PERTAMBAHAN JUMLAH TRAFIK YANG TINGGI INI, LLM DAN AGENSI PENGUATKUASA SERTA DENGAN KERJASAMA SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA SELURUH NEGARA TELAH BERSEDIA UNTUK MEMBANTU PENGGUNA DENGAN LANGKAH-LANGKAH PROAKTIF DALAM MELANCARKAN ALIRAN TRAFIK DAN MEMASTIKAN KESELAMATAN MEREKA SEWAKTU MUSIM PERAYAAN NANTI. ANTARANYA:

- PLUS DAN ANIH BHD MENEMPATKAN ANGGOTA PASUKAN PDRM DAN RELA (681 ORANG DI PLUS / 216 ORANG DI ANIH) DI KAWASAN LALULINTAS DI PLAZA TOL DAN KAWASAN

REHAT & RAWAT (R&R) UNTUK TUJUAN KAWALAN TRAFIK DAN KESELAMATAN;

- MENGAKTIFKAN LALUAN *CONTRA FLOW* DI BEBERAPA LOKASI LEBUH RAYA YANG SESAK DENGAN KERJASAMA POLIS DI RAJA MALAYSIA (PDRM);
- MEMBUKA SEMUA LORONG TOL TERMASUK MENYEDIAKAN LORONG TAMBAHAN DI PLAZA TOL UNTUK MEMPERCEPATKAN TRANSAKSI TOL;
- MENEMPATKAN KREN DAN KEMBALIK (*TOW-TRUCK*) DI LOKASI-LOKASI STRATEGIK BAGI PROSES PEMINDAHAN KENDERAAN YANG ROSAK DAN YANG TERLIBAT DENGAN KEMALANGAN; DAN
- MENYEDIAKAN PASUKAN TINDAKAN KECEMASAN TERDIRI DARI PASUKAN BOMBA, AMBULANS, JPAM, ST JOHN AMBULANS DAN LAIN-LAIN DI KAWASAN RNR TERPILIH.
- MEMPAPARKAN SITUASI TRAFIK SEMASA DI *VARIABLE MESSAGE SYSTEM (VMS)*, *PORTABLE VARIABLE MESSAGE SIGN (PVMS)*, SERTA LAMAN SOSIAL TWITTER RASMI LLM DAN PLUS TRAFIK UNTUK MAKLUMAN PENGGUNA; DAN

- MENYEDIAKAN KEMUDAHAN BEKALAN AIR DAN TANDAS TAMBAHAN DI HENTIAN SEBELAH DAN RNR UNTUK KESELESAAN PENGGUNA.

7. PENGGUNA DINASIHATKAN UNTUK MENGIKUTI JADUAL CADANGAN WAKTU PERJALANAN (*TRAVEL TIME ADVISORY*) UNTUK PENGGUNA LEBUHRAYA UTARA-SELATAN DAN LEBUHRAYA PANTAI TIMUR YANG TELAH DISEDIAKAN OLEH PLUS BERHAD DAN ANIH BERHAD. PADA MASA YANG SAMA, PENGGUNA JUGA ADALAH DISARANKAN UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT TRAFIK TERKINI DARIPADA PUSAT PENGURUSAN TRAFIK (TMC) LLM YANG AKAN BEROPERASI 24 JAM SEHARI UNTUK PERANCANGAN PERJALANAN. MAKLUMAT MENGENAI PERKEMBANGAN TRAFIK TERKINI DI SEMUA KAWASAN YANG TERLIBAT AKAN DISAMPAIKAN KEPADA PENGGUNA BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MEMBUAT PILIHAN PERJALANAN YANG LEBIH STRATEGIK.

8. PENGGUNA JUGA BOLEH MENGGUNAKAN APLIKASI MOBILE, *LLM TRAFFIC INFO* BAGI MENERIMA MAKLUMAT SECARA TERUS MELALUI PERANTI TELEFON PINTAR UNTUK MENDAPAT MAKLUMAT TERKINI KEADAAN TRAFIK LEBUHRAYA MELALUI

KAMERA CCTV DAN JUGA SETIAP STATUS TRAFIK YANG DIMUATNAIK MELALUI APLIKASI BERKENAAN.

9. MELALUI APLIKASI TERSEBUT JUGA, PENGGUNA BOLEH MENDAPATKAN KADAR TOL SETIAP LEBUHRAYA DAN JUGA NOMBOR TELEFON KECEMASAN LEBUHRAYA BERTOL YANG SEDANG BEROPERASI.

ARAHAN HENTI KERJA DAN LARANGAN PENGGUNAAN KENDERAAN BERAT

UNTUK MAKLUMAN HADIRIN YANG DIHORMATI,

10. DI SAMPING LANGKAH PROAKTIF YANG SAYA SEBUTKAN SEBENTAR TADI, KERAJAAN JUGA TELAH MENGELUARKAN ARAHAN HENTI KERJA (*STOP ORDER WORK*) DI LEBUH RAYA KECUALI BAGI KERJA - KERJA KRITIKAL SAHAJA UNTUK TEMPOH 14 HARI SEPANJANG KEMPEN OP SELAMAT 11/2017 IAITU BERMULA DARI 18 JUN 2017 SEHINGGA 2 JULAI 2017. LANGKAH INI BERTUJUAN MENGURANGKAN KESESAKAN DI LEBUH RAYA YANG DISEBABKAN OLEH KERJA-KERJA PEMBINAAN DAN PENYENGGARAAN.

11. PADA MASA YANG SAMA JUGA, PELAKSANAAN LARANGAN PENGGUNAAN KENDERAAN BERAT DI JALAN DAN LEBUH RAYA AKAN DIKUATKUASAKAN OLEH JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ) SELAMA 4 HARI IAITU PADA 23 DAN 24 JUN 2017, SERTA 1 DAN 2 JULAI 2017 KERANA DIJANGKA AKAN BERLAKU PENINGKATAN TRAFIK PADA HARI-HARI TERSEBUT.

DISKAUN DAN REBAT TOL SEMPENA MUSIM PERAYAAN AIDILFITRI 2017

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

12. SABAN TAHUN, SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA TURUT MEMAINKAN PERANAN KETIKA MUSIM PERAYAAN DENGAN MENAWARKAN DISKAUN DAN REBAT TOL KEPADA PENGGUNA-PENGGUNA LEBUH RAYA SEBAGAI SALAH SATU INSENTIF KHAS. ALHAMDULILLAH, SEMPENA DENGAN MUSIM PERAYAAN AIDILFITRI TAHUN INI, SEBANYAK 22 BUAH SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA AKAN MENAWARKAN INSENTIF TERSEBUT KEPADA PENGGUNA DALAM MEMENUHI OBLIGASI TANGGUNGJAWAB KORPORAT SOSIAL (CSR) MEREKA TERHADAP PENGGUNA.

13. MELALUI INSENTIF INI, SAYA PERCAYA PENGGUNA AKAN MERASA DIHARGAI DI ATAS KEKERAPAN MEREKA MENGGUNAKAN LEBUH RAYA SEBAGAI ALTERNATIF. SEBAGAI CONTOH, SYARIKAT KONSESI MEX TELAH MENGAMBIL INISIATIF DALAM MENGHARGAI PELANGGANNYA DENGAN MEMBUKA LALUAN LEBUH RAYA PERCUMA KEPADA PENGGUNA PADA 25 JUN 2017, HARI RAYA AIDILFITRI PERTAMA. MANAKALA, TERDAPAT 21 BUAH SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA LAIN PULA MENAWARKAN DISKAUN TOL PADA KADAR 6% - 28% (*UNTUK KENDERAAN KELAS 1*).

14. SELANJUTNYA, LEBUHRAYA UTARA SELATAN (PLUS) PULA AKAN MENAWARKAN REBAT TOL SEBANYAK 30% KEPADA PENGGUNA-PENGGUNA KENDERAAN KELAS 1 YANG MEMBAYAR TOL SECARA ELEKTRONIK DENGAN PERJALANAN JARAK MELEBIHI 100 KILOMETER PADA 19 JUN SEHINGGA 21 JUN, 28 JUN, 29 JUN DAN 3 JULAI 2017. KERAJAAN DARI SEMASA KE SEMASA AMAT MENYOKONG DAN MENGALU ALUKAN KEPRIHATINAN SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA DALAM USAHA CSR INI.

HARAPAN DAN UCAPAN SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI 2017

HADIRIN YANG SAYA HORMATI,

15. SAYA INGIN MENYERU KEPADA PENGGUNA LEBUH RAYA SEKALIAN SUPAYA SENANTIASA MENGAMALKAN SIKAP PEMANDUAN BERHEMAH. SEMUA PIHAK, TERMASUK PEMANDU SEHARUSNYA BERGANDING BAHU DAN BERSAMA-SAMA MENJADIKAN JALAN DAN LEBUH RAYA KITA TEMPAT YANG SELAMAT. SIKAP PENGGUNA YANG BERTANGGUNGJAWAB KETIKA MEMANDU INSYAALLAH, AKAN DAPAT MENGURANGKAN KADAR KEMALANGAN DAN KITA SEMUA DAPAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI DALAM KERIANGAN DAN BUKANNYA TANGISAN.

16. SAYA TURUT MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN TERIMA KASIH SEKALI LAGI KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM PENGANJURAN KEMPEN ADVOKASI KESELAMATAN LEBUH RAYA SEMPENA AIDILFITRI PADA TAHUN INI, KHASNYA KEPADA LLM, PSKLM, PDRM DAN AGENSI AWAM DAN SWASTA YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG. SEMOGA INISIATIF YANG DIJALANKAN INI AKAN MEMBUAHKAN HASIL YANG SIGNIFIKAN DAN SEKALIGUS,

MEMBERI IMPAK YANG EFISIEN DALAM MENINGKATKAN TAHAP KESELAMATAN JALAN DAN LEBUH RAYA DI MALAYSIA

17. AKHIR KATA, MENJELANG AIDILFITRI YANG MULIA INI, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI KEPADA SEMUA JEMPUTAN YANG HADIR HARI INI, SERTA SEKALIAN UMAT ISLAM YANG MENYAMBUTNYA. SEMOGA MEREKA YANG INGIN PULANG KE KAMPUNG HALAMAN MADING-MADING SELAMAT TIBA DI DESTINASI YANG DITUJU.

PENUTUP

18. DENGAN LAFAZ YANG MULIA DAN SUCI, "BISMILLAHIRAHMANIRAHIM", SAYA DENGAN SUKACITANYA MELANCARKAN **KEMPEN ADVOKASI KESELAMATAN LEBUH RAYA SEMPENA AIDILFITRI 2017 #RESPEKLABRO INI.**

SEKIAN, WABILLAHITAUFIKWALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHIWABARAKATUH.

-TAMAT-